




DERMA DARAH


“SETITIS DARAH SERIBU MAKNA”



DERMA DARAH

SELAMATKAN NYAWA

Derma darah dapat menyelamatkan sekurang-kurangnya 3 nyawa. Ini kerana darah utuh yang di derma boleh diproses dan menghasilkan sel darah merah, platelet dan plasma. Dari sudut kesihatan, pendermaan darah boleh merangsangkan badan untuk menghasilkan sel-sel darah yang baru. Sel-sel darah baru ini mempunyai lebih keupayaan untuk membawa oksigen ke seluruh badan. Justeru penderma darah akan berasa lebih sihat dan segar selepas menderma.



KEPERLUAN BEKALAN DARAH & KEGUNAAN DARAH



Apakah tujuan pendermaan darah?

Pendermaan darah diperlukan untuk merawat dan menyelamatkan nyawa pesakit.

Jenis pendermaan yang boleh didermakan?

Penderma darah boleh menderma:

- i) Sel darah merah.
- ii) Pendermaan aferesis, iaitu plasma dan platlet.

Berapa banyak darah yang akan diambil?

- Berat badan melebihi 45kg (1 beg darah).
- Berat 45 kg hingga 55 kg (350 ml darah).
- Berat badan melebihi 55 kg (450 ml darah).

APAKAH KEGUNAAN DARAH?

Keperluan darah yang mencukupi, selamat, dan berkualiti adalah perlu bagi merawat pesakit yang memerlukan:

- Pendarahan serius yang terjadi disebabkan oleh kemalangan, pembedahan major, komplikasi semasa bersalin atau transplan organ 3.
- Demam denggi berdarah.
- Anemia, seperti talasemia, leukaemia, atau kanser.
- Mangsa kebakaran.
- Bayi peringkat neonatal yang mengalami kekuningan yang teruk.
- Pesakit haemofilia.



MANFAAT PENDERMAAN DARAH KEPADA PENDERMA?



Derma darah boleh memelihara kesihatan serta merangsang badan untuk menghasilkan sel-sel darah baharu, lalu mengekalkan kecergasan badan dan menjadikan penderma darah lebih produktif.




Derma darah menyelamatkan sekurang-kurangnya 3 nyawa, di mana darah utuh yang didermakan boleh menghasilkan sel darah merah, platlet, dan plasma.



Derma darah dapat mengetahui kumpulan darah, bacaan tekanan darah, dan tahap haemoglobin melalui pemeriksaan kesihatan yang dilakukan sebelum proses menderma darah.



Derma darah yang menderma darah di pusat pendermaan darah statik, kempen derma darah bergerak, dan tabung-tabung darah di seluruh negara adalah layak mendapat kelayakan keistimewaan penderma darah.



CARTA ALIR PROSES PENDERMAAN DARAH

Isi borang pendermaan darah.

01

Melakukan saringan kesihatan ringkas untuk mengetahui berat badan, kumpulan darah, dan paras hemoglobin.

02

Membuat pendaftaran untuk pendermaan darah.

03



04

Menjalani sesi temuduga bersama dengan doktor/ anggota kesihatan untuk mengenalpasti kelayakan menderma darah.

05

Menderma darah.


06

WAJIB mengambil makanan dan minuman yang disediakan.

PROSES PENDERMAAN DARAH

Sebelum Hari Pendermaan Darah

- Pastikan anda minum air secukupnya.
- Tidur sekurang-kurangnya 5 jam.
- Layari laman sesawang Pusat Darah Negara untuk mengetahui kriteria sebagai penderma darah.



Semasa Pendermaan Darah

- Sihat tubuh badan.
- Berat badan anda 45kg dan ke atas.
- Pastikan anda mengambil makanan dalam masa 4 jam sebelum menderma darah.
- Minum air secukupnya.
- Pakai pakaian yang selesa. Jika memakai pakaian yang berlengan panjang, pastikan lengan pakaian boleh dilipat.
- Bawa bersama kad pengenalan/ lesen kenderaan/ pasport.


Selepas Pendermaan Darah

- WAJIB mengambil makanan dan minuman yang disediakan.
- Minum lebih banyak air.
- Elakkan minuman beralkohol dalam masa 24 jam.
- Anda disarankan untuk mengurangkan pendedahan berterusan kepada cahaya matahari buat sementara bagi mengelakkan risiko dehidrasi.
- Jangan mengangkat barang yang berat atau terlibat dalam aktiviti berat dalam masa 6-8 jam selepas menderma darah bagi mengelakkan bengkak/lebam di kawasan pendermaan darah.
- Sekiranya anda mengalami pening atau rasa pitam, hentikan aktiviti dan dinasihatkan untuk duduk atau berbaring sehingga pulih kembali.

JENIS DARAH ANDA

Kenali jenis darah anda, siapa yang boleh terima darah anda dan kepada siapa darah anda boleh didermakan.





JENIS DARAH	DERMA KEPADA	TERIMA DARI
A+	A+, AB+	A+, A-, O+, O-
O+	O+, A+, B+ AB+	O+, O-
B+	B+, AB+	B+, B-, O+, O-
AB+	AB+	SEMUA
A-	A+, A-, AB+, AB-	A-, O-
O-	SEMUA	O-
B-	B+, B-, AB+, AB-	B-, O-
AB-	AB+, AB-	AB-, A-, B-, O-



Jom Derma Darah!

SUMBER:

-  MyHealth
-  Pusat Darah Negara
-  Majlis Keselamatan Negara
-  Berita RTM
-  Kementerian Kesihatan Malaysia



TERIMA KASIH!